

## ABSTRAK

Ini adalah satu kajian tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tahun satu kursus profesional di Institut Profesional Baitulmal. Secara keseluruhannya, masalah pelajar-pelajar ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu aspek akademik, aspek peribadi dan aspek sosial.

Kajian ini telah dijalankan ke atas 30 orang pelajar tahun satu yang mengambil kursus 'The London Chamber of Commerce and Industries' (LCCI). Data kajian dikumpul melalui satu senarai soal-selidik yang mengandungi 35 soalan yang telah diubahsuai dari 'The Mooney's Problem Checklist'. Pelajar-pelajar dikehendaki menanda jenis kekerapan bagi setiap masalah yang disenaraikan samada selalu menghadapi, kadang-kadang menghadapi atau tidak langsung menghadapi masalah yang tertulis di soal-selidik itu.

Pada peringkat keseluruhannya, kajian ini menunjukkan masalah yang berkaitan akademik adalah merupakan masalah yang paling sering dihadapi oleh kebanyakan pelajar-pelajar lelaki dan perempuan berbanding dengan masalah dari aspek sosial dan peribadi. Secara khususnya, terdapat 3 jenis masalah yang sering dihadapi di bawah aspek akademik iaitu pertama, masalah kesukaran memahami matapelajaran yang diajar, kedua, masalah samada mendapat pekerjaan pilihan sendiri di masa akan datang dan masalah hendak menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi atau tidak.

Masalah kedua keseluruhan kajian selepas akademik ialah masalah berkaitan aspek peribadi. Secara khususnya, terdapat 3 jenis masalah yang paling sering dihadapi di bawah aspek peribadi iaitu tiada perkara menarik hendak dibuat di masa lapang, sukar melanjutkan perbualan dengan berlainan jantina dan tiada wang belanja yang mencukupi. Ketiga-tiga masalah ini sering dihadapi oleh kebanyakan pelajar-pelajar lelaki dan perempuan.

Masalah ketiga keseluruhan kajian ini ialah masalah berkaitan aspek sosial di mana terdapat tiga masalah khusus yang mempunyai kekerapan selalu menghadapi yang tertinggi antara lain-lain jenis masalah sosial. Masalah-masalah ini ialah, jarang mengadakan pertemuan lain jantina, sukar bergaul-rapat dengan lain jantina dan tidak mempunyai rakan karib yang bersesuaian untuk berkongsi masalah, pengalaman dan keseronokan.

Kajian ini juga mendapati tiada terdapat perbezaan yang ketara di antara kedua jantina pelajar-pelajar lelaki dan perempuan di dalam perbandingan jenis dan kekerapan masalah yang dikaji.

Keseluruhan kajian ini menunjukkan masalah akademik perlu diberi perhatian khusus oleh pihak-pihak tertentu iaitu pihak pentadbir institut, pensyarah/guru dan pihak ibubapa. Satu perancangan khusus perlu dibuat sebagai persediaan menghadapi masalah-masalah ini di masa hadapan. Jika masalah-masalah ini diberi perhatian yang wajar dari semua pihak, kelemahan-kelemahan pencapaian pelajar akan dapat diperbaiki di masa akan datang.

## **ABSTRACT**

### ***An Investigation Into The Problems of The First Year Students Taking the Professional Course in the Institute Profesional Baitulmal.***

This is a study of the problems faced by first year students taking the professional course in the Institute Profesional Baitulmal. Generally, the problems are divided into three main aspects : academic, personal and social.

The study was carried out to 30 first year students who were taking a professional course, 'The London Chamber of Commerce', (LCCI). A modified 'Mooney's Problem Checklist' consisting of 35 items was used to identify the problems frequently faced by the students. The students were asked to indicate whether they always, sometimes or never face each of the problems listed in the checklist.

In general, the study found that the students ranked academic problems as the most frequent problems they faced compared to personal and social problems. The three highest number of problems most frequently faced in the academic area are; difficulties in understanding the subject taught, unsure of whether to continue study in a higher level and doubtful of getting the right job in the future. These problems were frequently faced by both girls and boys in the study.

In term of personal problems, there are three main problems that the students always faced in this category. These are: no interesting activities to do during free time, difficulty in continuing discussion and having not enough money to spend.

The third category of problem is related to social aspects. The three problems faced most frequently by the students in this category are : hardly having any dates with the opposite sex, difficulty in having a close relationship with the opposite sex and not having a best friend to share problems, experience and enjoyment.

This study finds no major difference between male and female students in terms of the types and frequency of the problem faced by the students.

These findings show that academic problem should be given special attention by the people concerned such as the administrators of the institute, lecturers/teachers and parents. A specific preparations should be made to encounter the problems in the future. It is hoped that with attention given by the authorites over the identified problems, the students will be able to perform better in the future.